



## **PASUKAN PETUGAS KHAS IMUNISASI COVID-19** *COVID-19 IMMUNISATION TASK FORCE (CITF)*

---

### **MAKLUMAN MENGENAI USAHA PEMVAKSINAN KESELURUHAN PENDUDUK DI LEMBAH KLANG**

---

Sejak 26 Julai yang lalu, Operasi Lonjakan Kapasiti telah dilaksanakan di Lembah Klang dengan objektif pemvaksinan segera sekurang-kurangnya satu dos pertama ke atas sebanyak mungkin populasi di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor yang menjadi pusat penularan wabak COVID-19 dalam negara. Selaras dengan matlamat tersebut, sasaran Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (CITF) adalah untuk memastikan kesemua 6.1 juta individu yang berdaftar diberikan janji temu menjelang Ogos.

Apabila selesainya operasi ini, usaha untuk memberi perlindungan kepada penduduk di Lembah Klang diteruskan dengan tumpuan kepada mereka yang telah tercicir untuk divaksinasi melalui inisiatif yang menyeluruh (*mop-up*) serta memberikan peluang mereka yang tidak berdaftar dan tiada janji temu untuk menerima suntikan vaksin.

Terdapat dua kaedah pelaksanaan vaksinasi dalam usaha menyeluruh ini yang akan bermula pada 2 Ogos 2021 seperti berikut:

- 1) Vaksinasi secara *walk-in* di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) terpilih di Lembah Klang**  
Pemberian vaksin untuk penduduk di Lembah Klang sahaja akan sekali lagi menggunakan pendekatan kepada keperluan untuk memberikan keutamaan kepada mereka yang berisiko tinggi yang mungkin tertinggal serta untuk urusan vaksinasi yang selamat dan selesa.
- 2) Vaksinasi secara *walk-in* melalui program jangkauan (*outreach programmes*) ke kawasan di pinggir Lembah Klang, terutamanya bagi golongan rentan atau yang mempunyai kekangan teknologi.**

Individu *walk-in* yang mempunyai dokumen pengenalan sah akan didaftarkan terlebih dahulu dalam sistem MySejahtera di kaunter pendaftaran di PPV sebelum divaksinasi.

Adalah dimaklumkan bahawa golongan ibu hamil tidak perlu untuk *walk-in* bagi mendapatkan vaksinasi, sebaliknya janji temu mereka akan diberikan melalui MySejahtera.

CITF juga ingin mengingatkan bahawa *walk-in* **hanyalah untuk penduduk di Lembah Klang**. Individu yang telah mendapat janji temu adalah tidak dibenarkan untuk *walk-in*. Mereka juga tidak dibenarkan untuk membatalkan janji temu yang diberikan bagi tujuan *walk-in* sekiranya janji temu sedia ada adalah pada tarikh yang akan datang. Semua ini adalah berlandaskan kepada keperluan untuk melindungi penduduk di Lembah Klang dalam zon merah yang mana kes jangkitan COVID-19 semakin meningkat.

# VAKSINASI SECARA *WALK-IN* UNTUK PENDUDUK DI LEMBAH KLANG DI PUSAT PEMBERIAN VAKSIN (PPV) DI LEMBAH KLANG

## 1. WARGANEGARA MALAYSIA DI LEMBAH KLANG

### A. TARIKH *WALK-IN* DIBENARKAN

- **2 Ogos hingga 4 Ogos 2021** : Khusus untuk umur 40 tahun ke atas atau golongan komorbid di Lembah Klang
- **5 Ogos hingga 22 Ogos 2021** : Semua warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas di Lembah Klang

### B. MASA *WALK-IN*

Bermula 2 petang pada setiap hari (tertakluk kepada hari operasi PPV masing-masing)

### C. PPV YANG DIBENARKAN *WALK-IN*

1. KL Convention Centre, HCO F
2. KL Convention Centre, HCO G
3. KL Convention Centre, HCO H
4. Bangi Avenue Convention Centre (BACC)
5. Hotel Wyndham, Klang
6. Dewan Tun Razak, Sabak Bernam
7. Dewan Komuniti Serendah
8. Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA
9. Ideal Convention Centre (IDCC), Shah Alam

(untuk alamat penuh, sila rujuk di [www.vaksincovid.gov.my/ppv/](http://www.vaksincovid.gov.my/ppv/))

### D. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Bukti menunjukkan lokasi bermastautin di Lembah Klang. Contohnya seperti alamat di kad pengenalan, lesen memandu, sebarang bil utiliti atau kad kredit, kad pekerja, kad pelajar, surat perjanjian atau lain-lain lagi.
- Golongan komorbid diminta membawa sebarang bukti yang menunjukkan mereka komorbid seperti kad rawatan atau kad janji temu

### E. LAIN-LAIN

*First-come-first-serve basis* bergantung kepada kapasiti bekalan di PPV di mana individu *walk-in* akan diletakkan di bawah *standby list* untuk hadir semula pada keesokan harinya sekiranya bekalan vaksin pada hari tersebut sudah habis digunakan.

## 2. BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA DI LEMBAH KLANG

### A. TARIKH WALK-IN DIBENARKAN

- 9 Ogos hingga 11 Ogos 2021 : Khusus untuk umur 40 tahun ke atas atau golongan komorbid di Lembah Klang
- 12 Ogos hingga 22 Ogos 2021 : Semua bukan warganegara Malaysia berusia 18 tahun ke atas di Lembah Klang

### B. MASA WALK-IN

Bermula 2 petang pada setiap hari (tertakluk kepada hari operasi PPV masing-masing)

### C. PPV YANG DIBENARKAN WALK-IN

PPV Stadium Nasional Bukit Jalil

### D. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- Bukti menunjukkan lokasi bermastautin di Lembah Klang. Contohnya seperti alamat di kad pengenalan diri, lesen memandu, sebarang bil utiliti atau kad kredit, kad pekerja, kad pelajar, surat perjanjian atau lain-lain lagi.
- Bagi mereka yang tidak mempunyai dokumen pengenalan atau perjalanan yang sah, mereka akan melalui proses yang telah ditetapkan dalam satu Garis Panduan Pengurusan Pemberian Vaksin Kepada Individu Bukan Warganegara yang telah dikeluarkan oleh CITF.
- Golongan komorbid diminta membawa sebarang bukti yang menunjukkan mereka komorbid seperti kad rawatan atau kad janji temu.

### E. LAIN-LAIN

*First-come-first-serve basis* bergantung kepada kapasiti bekalan di PPV di mana individu yang *walk-in* akan diletakkan di bawah *standby list* untuk hadir semula pada keesokan harinya sekiranya bekalan vaksin pada hari tersebut sudah habis digunakan.

## **VAKSINASI SECARA *WALK-IN* MELALUI PROGRAM JANGKAUAN DI KAWASAN PINGGIRAN LEMBAH KLANG**

- Secara berperingkat bermula **9 Ogos 2021**.
- Jadual pergerakan, iaitu tarikh dan lokasi bergantung kepada perancangan pihak terlibat, seperti badan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan yang menganjurkan Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) serta lain-lain agensi seperti Pejabat Daerah dan Pejabat Kesihatan di kawasan sasaran.
- Hebahan tarikh, masa dan lokasi akan dilakukan melalui media sosial, media tradisional dan melalui kerjasama dengan Pejabat Daerah yang berkenaan serta Jabatan Penerangan Negeri Selangor.
- *First-come-first-serve basis* bergantung kepada kapasiti bekalan mana terdapat kemungkinan individu *walk-in* akan diminta untuk hadir di lokasi mengikut kesesuaian mereka sekiranya bekalan vaksin pada hari tersebut sudah habis digunakan
- Bukti menunjukkan lokasi bermastautin di Lembah Klang diperlukan. Contohnya seperti alamat di kad pengenalan diri, lesen memandu, sebarang bil utiliti atau kad kredit, kad pekerja, kad pelajar, surat perjanjian atau lain-lain lagi.

**– TAMAT –**

Dikeluarkan pada: 31 Julai 2021